

Tarikh : 16 Ogos 2012
Surat kami: 100-UiTM (PUU-6/13)



26
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi
Penasihat Undang-Undang Universiti
Legal Advisor to the University
e-mail: shad247@salam.uitm.edu.my

KEPADA SEMUA REKTOR KAMPUS/
TIMBALAN REKTOR KAMPUS/
DEKAN /KETUA PUSAT/BAHAGIAN/
UNIT/KOLEJ
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MELALUI Y.BHG. DATO'
NAIB CANSOLOR UiTM

DATO' PROF IR DR SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Assalamualaikum Wrmt. Wbrkt.

Y. Bhg. Dato'/Datin Paduka/Prof./Prof Madya/Dr./Ir./Tuan/Puan

**PERMOHONAN UNTUK MELANTIK PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB
UNTUK MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MoU) / MEMORANDUM OF
AGREEMENT (MoA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan kepada surat kami yang bertarikh 2 Ogos 2012.

Di sini, saya memohon agar pihak Y. Bhg. Dato'/Datin Paduka/Prof./Prof Madya/Dr./Ir./Tuan/Puan dapat melantik seorang pegawai yang diberi tanggungjawab untuk penyediaan kesemua MoU dan MoA yang berkaitan dengan pihak kampus cawangan/ fakulti/ pusat/bahagian/unit/ kolej berkenaan.

Di antara tanggungjawab Pegawai yang dilantik untuk tujuan ini, adalah seperti berikut:

- a) Memastikan agar segala dokumen dan maklumat yang berkaitan dengan kesemua MoU dan MoA yang dimeterai di antara pihak kampus cawangan/ fakulti/ pusat/bahagian/unit/ kolej dan mana-mana pihak luar adalah mencukupi dan tepat sepertimana disarankan oleh pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang;
- b) Menjadi Pegawai Penghubung untuk kesemua surat-menyurat, emel dan maklumbalas di antara pihak kampus cawangan/ fakulti/ pusat/bahagian/unit/ kolej dan Pejabat Penasihat Undag-Undang
- c) Merekodkan bilangan MoU dan MoA yang telah ditandatangani oleh pihak kampus cawangan/ fakulti/ pusat/bahagian/unit/ kolej dan menyimpan kesemua MoU dan

MoA yang telah ditandatangani tersebut untuk tujuan arkib dan rujukan. Sila berikan **satu (1)** salinan MoU dan MoA yang telah ditandatangani kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang.

- d) Memantau kesemua aktiviti dan bidang kerjasama yang telah terjalin dan dipersetujui berseama di dalam MoU dan MoA tersebut. Ini adalah dengan tujuan agar segala aktiviti yang dijalankan sentiasa berjalan dengan lancar dan berterusan.
- e) Sekiranya terdapat ketiadaan kerjasama atau aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh MoU dan MoA tersebut, sila maklumkan perkara ini kepada pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang.

Kerjasama semua pihak di dalam hal ini didahului dengan ucapan terimakasih.

Sekian. Terimakasih.



SHAD SALEEM FARUQI
Penasihat Undang-Undang Universiti

SSF/ak

s.k.

1. Y.Bhg. Dato' Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Timbalan Naib Canselor UiTM
2. Dr. Hajah Zahrah Mokhtar
Pendaftar UiTM